

17 JUN 1999

Mahathir-Umno (Perutusan)

TANGKIS POLITIK KOTOR PEMBANGKANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota Umno merapatkan barisan dan mengukuhkan parti untuk menangkis politik kotor pembangkang yang boleh menghancurkan negara.

Mereka harus mendedahkan keburukan serta niat jahat pengamal-pengamalnya bagi membuktikan kepalsuan perjuangan pihak pembangkang, kata beliau selaku Presiden Umno dalam buku cenderamata menjelang Perhimpunan Agung Umno ke 53 esok.

"Mereka ini tidak sedikitpun peduli apakah dakyah dan tindakan yang mereka lakukan itu menyebabkan perpecahan dalam masyarakat dan melemahkan negara," katanya.

Perhimpunan selama empat hari itu bermula hari ini dengan perhimpunan pergerakan Pemuda dan Wanita Umno yang dirasmikan secara serentak oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam ucapannya, Abdullah yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, turut mengutarakan mesej yang sama iaitu meminta anggota Umno supaya mendedahkan putar belit pihak yang cuba mengelirukan rakyat dan anggota Umno terhadap fahaman kebangsaan Umno sebagai assabiyah dan menafikan peranan Islam dalam perjuangan Umno.

Dr Mahathir berkata anggota Umno perlu bersatu dan memperkuat serta memperkukuhkan parti bagi menghadapi ancaman dan cabaran itu.

"Walaupun terdapat pelbagai pihak, termasuk elemen-elemen dalam negeri yang menaruh harapan semoga Umno menjadi lemah dan seterusnya runtuh, ia tidak harus menggentarkan kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata selagi anggota Umno percaya dan komited kepada dasar perjuangan parti untuk membawa kehidupan lebih baik kepada rakyat dan melaksanakan secara bersungguh-sungguh agendanya, Umno akan kekal berkuasa dan terus relevan dalam politik negara.

Beliau juga mengkritik parti pembangkang tertentu yang tidak mempunyai agenda yang jelas dan kukuh.

"Jika kita teliti kumpulan-kumpulan pembangkang yang baru muncul dan mereka yang bersekongkol dengannya, perjuangan mereka amat cetek," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata mereka tidak ada rancangan apa-apa untuk kebaikan bangsa dan negara.

"Sebaliknya mereka hanya mengulangi apa yang diperkatakan oleh dalang mereka dari luar negeri," katanya.

Beliau berkata anggota Umno perlu menyekat cubaan parti-parti pembangkang yang penuh retorika tetapi kosong pada isinya, yang bergantung semata-mata kepada penanaman perasaan kebencian kepada parti kerajaan dan pemimpinnya untuk mendapatkan sokongan rakyat.

"Sebaliknya kita perlu tentukan bahawa perjuangan Umno untuk membela rakyat rumpun Melayu, rakyat Malaysia amnya, agama dan negara akan terus berjaya," kata beliau.

Katanya, kegawatan ekonomi yang dialami sejak hampir dua tahun yang lalu telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kehidupan rakyat.

Dalam menghadapi masalah ini, kerajaan pimpinan Umno tidak berdiam diri tetapi mengambil pelbagai tindakan bagi mengurangkan beban yang menimpa rakyat. kata Dr Mahathir.

Seperti biasa, katanya, usaha kerajaan dalam pemulihan ekonomi menerima kritikan daripada pelbagai pihak, khususnya media asing dan agensi-agensi

antarabangsa.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpegang kepada pendirian bahawa masalah ekonomi negara perlu diselesaikan oleh rakyat sendiri.

"Tetapi usaha ini hanya boleh berjaya jika ada ketenteraman politik dalam negara," katanya.

--BERNAMA

ES ZKS MAI